

Majlis Pelancaran 'Showcase Wariseni 2010'

Khamis, 31 Januari 2013 10:38



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN PERASMIAN

Y.B. DATO' HAMZAH BIN ZAINUDIN
TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN "SHOWCASE WARISENI 2010"
PADA 21 OKTOBER 2010 (KHAMIS) DI HOTEL LEGEND,
KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim
Saudara Pengacara Majlis
Y.Bhg. Datin Paduka Nurmala Ab. Rahim
Timbalan Ketua Setiausaha I

Y.Bhg. Datuk Madius Tangau
Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

Y.Bhg. Datuk Ir. Dr. Mohamed Al-Amin Abdul Majid
Pengerusi SME Corp.

Y.Bhg. Dato' Hafsah Hashim
Ketua Eksekutif SME Corp.

Y. Brs Dr. Jalaluddin Harun
Ketua Pengarah MTIB

Your Excellencies, Ambassadors and High Commissioners

Dif-dif kehormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan keizинannya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran "Showcase Wariseni 2010" pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan "Showcase Wariseni 2010". Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama hadir ke majlis pelancaran hari ini. (Thank you Your Excellencies, Distinguished Guests, Ladies and Gentlemen for your presence here today).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Showcase Wariseni merupakan program tahunan MTIB dan pada tahun ini Showcase Wariseni akan diadakan selama 4 hari iaitu dari 21 hingga 24 Oktober 2010, di Galeri Wariseni, Bukit Nanas, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Tujuan utama Showcase Wariseni adalah untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk ukiran kayu yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha ukiran Bumiputera, selain untuk mengembangkan rangkaian perniagaan dan penjualan hasil produk ukiran pengusaha-pengusaha ini bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi juga eksport.

3. Seni ukiran kayu adalah seni kraftangan yang telah lama wujud di Malaysia terutama di kalangan masyarakat Melayu. Namun kini, seni ukiran kayu seolah-olah ditenggelami era kemodenan dan dipinggirkan, walaupun pada satu masa dahulu seni ini pernah berada di puncak kegemilangan. Saya percaya produk ukiran kayu Malaysia perlu dihidupkan semula kerana ia mempunyai potensi pasaran yang cukup luas. Persaingan yang dihadapi daripada produk ukiran negara-negara jiran yang mendominasi pasaran tempatan perlu dilihat sebagai satu persaingan yang sihat dalam usaha kita meningkatkan nilai produk ukiran kayu negara.

Selain itu, promosi produk ukiran negara perlu diperluaskan dan dilaksanakan secara berterusan agar rakyat tahu bahawa negara kita juga mengeluarkan produk ukiran yang menarik dan bernilai tinggi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Pada masa kini terdapat 117 pengusaha ukiran di negara ini dan mereka tertumpu di negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Diantara produk-produk keluaran kayu yang menggunakan berbagai unsur-unsur ukiran adalah seperti pintu, tingkap, perabot rumah dan perabot taman serta keluaran barang-barang kraf daripada kayu yang mana kesemuanya dapat meningkatkan nilai tambah produk kayu tersebut. Produk yang mempunyai unsur ukiran ke atas produk kayu akan dapat meningkatkan harga produk berkenaan sebanyak 10% hingga 20%. Ini merupakan satu kekuatan industri yang harus kita perkasakan.

5. Di dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan industri ukiran kayu di negara ini, KPPK, melalui MTIB sebagai agensi pelaksana, telah diberi peruntukan sebanyak RM5 juta di bawah RMK9 khusus untuk melaksanakan berbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada pembangunan industri ukiran di negara ini. Di antara program yang telah dilaksanakan ialah aktiviti promosi dan pemasaran, dengan menjadikan Galeri Wariseni di Bukit Nanas sebagai hub menjalankan aktiviti promosi dan penjualan produk-produk ukiran kayu.

6. Selain itu, MTIB juga telah menubuhkan pusat/bengkel ukiran kayu yang pada masa kini bertempat di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan dan Langkawi, bagi menyediakan kemudahan yang boleh digunakan oleh pengusaha-pengusaha ukiran secara percuma untuk mempertingkatkan kapasiti pengeluaran dan kemahiran mereka dalam pengeluaran produk ukiran kayu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Bagi meningkatkan lagi kemahiran dalam mengukir, MTIB juga telah melaksanakan program-program pembinaan kapasiti, termasuk yang melibatkan penyertaan pengusaha-pengusaha ukiran dalam lawatan sambil belajar ke Jepara, Indonesia dan Chiangmai, Thailand bagi memberi pendedahan tentang industri ukiran yang terdapat di tempat berkenaan. Kursus-kursus intensif ukiran kayu juga telah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memantap dan meningkatkan kemahiran dalam menghasilkan produk-produk ukiran kayu yang berkualiti dan bernilai tinggi. Selain itu, pertandingan ukiran juga diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat dan kebolehan pengukir kayu dalam menghasilkan produk kayu berukiran yang bermutu tinggi dan kreatif. Malah pada hari ini, saya difahamkan bahawa majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan ukiran bagi tahun 2010 akan juga diadakan sebentar lagi.

8. Bagi menghasilkan produk yang bermutu tinggi, pengukir-pengukir hendaklah mempunyai kemahiran dan kreativiti seni ukir yang tinggi nilai budayanya serta mampu melakarkan rekabentuk yang terkini bagi menghasilkan produk yang bernilai tambah dan berkualiti tinggi. Lebih bererti lagi sekiranya masyarakat dapat menilai kembali keunggulan seni ukir tersebut dan diterapkan dalam arus pembangunan masyarakat moden. Walaupun pada masa kini kebanyakan industri ukiran beroperasi secara manual, namun begitu penggunaan mesin-mesin yang moden adalah diperlukan bagi membantu mempercepatkan proses mengukir serta bagi pengeluaran berskala besar terutama bagi tujuan eksport. Saya berharap pengusaha-pengusaha ukiran akan mengambil inisiatif ke arah ini bagi mempertingkatkan skala pengeluaran mereka.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan dan peluang bagi mempertingkatkan pencapaian pengusaha perabot/ukiran Bumiputera. Alhamdulillah, di samping peruntukan pembangunan yang sedia ada, MTIB telah diberi kepercayaan bagi menyalurkan bantuan berupa geran

kepada pengusaha Bumiputera melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang telah bermula pada bulan Mei 2009. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan kepada MTIB bagi melaksanakan Program Sokongan Bahan Mentah untuk usahawan-usahawan kayu Bumiputera. Sehingga Ogos 2010 iaitu setelah program ini dilaksanakan, terdapat seramai 251 pengusaha Bumiputera dalam industri kayu kayan/perabot yang telah menerima bantuan bahan mentah dan seterusnya dapat memenuhi nilai kontrak jualan berjumlah RM157.8 juta.

10. Di samping itu, saya juga amat tertarik dengan usaha MTIB yang sedang melaksanakan program SME Competitiveness Rating For Enhancement (SCORE) dengan kerjasama SME Corp Malaysia (SME Corp). Ini adalah kerana program SCORE ini merupakan satu program yang akan dapat menilai tahap dan keupayaan sesebuah syarikat IKS, khususnya dalam sektor perkayuan. Penilaian SCORE ini akan dapat memberi status dan menilai prestasi sesebuah syarikat. Melalui penilaian ini, ia akan memudahkan usaha untuk mengenal pasti penambahbaikan spesifik bagi meningkatkan lagi daya saing IKS, terutamanya pengusaha-pengusaha Bumiputera di dalam industri perkayuan. Pada hari ini bagi merealisasikan pelaksanaan program ini kita akan dapat menyaksikan pemeteraian satu memorandum persefahaman di antara MTIB dan SME Corp sebagai titik permulaan inisiatif ke arah peningkatan daya saing sektor perkayuan. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada SME Corp kerana telah memberi kepercayaan kepada MTIB untuk menerajui pelaksanaan program tersebut supaya hasilnya dapat dimanfaatkan dalam mencorak pembangunan industri kayu-kayan tempatan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Adalah menjadi harapan saya agar industri ukiran kayu di negara ini dapat dikembangkan sebagai satu industri yang berdaya saing serta dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada pengusaha di negara ini. Usaha-usaha perlu diteruskan untuk mengekalkan seni ukiran tradisional yang telah lama bertapak, sebagai satu warisan budaya yang tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

12. Di sini saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada MTIB di atas usaha dan dedikasi serta bertungkus lumus menjayakan majlis Showcase Wariseni 2010. Kepada tuan-tuan dan puan-puan serta penggiat seni ukir negara, terima kasih diucapkan kerana sudi untuk bersama-sama menjayakan majlis pelancaran ini. Akhir kata, dengan ini lafaz suci bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan 'Showcase Wariseni 2010'.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI